



## Bab 2

# Mengenalpasti Kehendak Pengguna dan Pasaran

---

Pengguna boleh didefinisikan sebagai pihak yang menggunakan atau mengambil faedah dari sesuatu benda atau perkhidmatan. Dalam inovasi produk, pengguna merupakan kunci utama kepada kejayaan sesebuah produk. Tiada gunanya jika sesuatu ciptaan direka tetapi tidak dapat dimanfaatkan dan memberi manfaat kepada sesiapa. Oleh itu, penghasilan sesuatu produk haruslah berlandaskan kepada kehendak pengguna. Sebelum mereka bentuk sesuatu produk, proses meneliti dan mengenal pasti kehendak pengguna adalah sangat penting bagi memastikan produk yang dihasilkan dapat dipasarkan.

Oleh itu, adalah sangat penting kajian ke atas pengguna dilaksanakan bagi mengetahui, memahami dan menyelidik hasil yang diperlukan dan diinginkan oleh pengguna sebelum proses penghasilan sesuatu produk itu bermula. Pelbagai kaedah berstruktur bagi mengumpul data dan maklumat daripada pengguna boleh dijalankan bagi memastikan produk tersebut mendapat sambutan apabila dipasarkan dan meminimalkan risiko kerugian dalam penghasilan produk baru.

Terdapat lima langkah dalam proses mengenal pasti kehendak pengguna iaitu:

- 1) Pengumpulan data kasar melalui kajian pasaran (temuramah, soal selidik dan lain-lain).
- 2) Menterjemahkan data yang diperolehi kepada kehendak sebenar pengguna.
- 3) Menyusun kehendak atau keperluan kepada klasifikasi primer atau sekunder.
- 4) Mengenal pasti kepentingan relatif semua kehendak dan keperluan.
- 5) Mengaitkan kehendak pengguna dengan keupayaan pengeluar.

Secara umumnya, proses mengenal pasti kehendak pengguna adalah sebahagian daripada proses pembangunan dan sangat berkait rapat dengan penjana konsep, pemilihan konsep, penanda aras yang kompetitif, dan pembangunan spesifikasi produk. Bagi pembangunan Mesin Pengasing Biji Cili Kering ini, beberapa langkah atau cara telah digunakan untuk mengenal pasti kehendak golongan sasaran. Matlamat proses ini adalah seperti berikut:

- 1) Memastikan produk menepati kehendak golongan sasaran secara khusus.
- 2) Mengenal pasti keperluan produk dengan lebih jelas serta keperluan-keperluan lain yang berkaitan.
- 3) Menyediakan fakta terhadap spesifikasi produk.
- 4) Menyediakan rekod arkib terhadap keperluan aktiviti berkaitan proses pembangunan produk.
- 5) Memastikan semua keperluan penting golongan sasaran diambil kira.
- 6) Mewujudkan suatu pemahaman terhadap keperluan golongan sasaran dalam kalangan ahli kumpulan pembangunan yang terlibat.